



*Khutbah Jumaat 9 Ogos 2024M / 4 Safar 1446H: "Perkahwinan Yang Disembunyikan"  
Jabatan Agama Islam Selangor*


# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK :**

## **PERKAHWINAN YANG DISEMBUNYIKAN**



Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## **"PERKAHWINAN YANG DISEMBUNYIKAN".1**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ : وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَنَ مِنْكُمْ وَالصَّلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ  
وَإِمَامِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءٌ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

2



أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِيهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَارَ المُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ  
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

5

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

6

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**PERKAHWINAN YANG DISEMBUNYIKAN**".



Perkahwinan adalah satu ikatan melalui akad nikah yang sah yang menghalalkan antara lelaki dengan perempuan hidup bersama sebagai suami isteri dan melaksanakan hak dan tanggungjawab masing-masing.

7

Firman Allah SWT dalam surah Al-Nur, ayat 32 yang dibacakan di awal khutbah bermaksud:

*“Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui.”*

8

Ayat ini menjelaskan galakan untuk berkahwin kerana penting dan indahnya alam perkahwinan itu. Namun keindahan ini adakalanya dicemarkan oleh sikap negatif suami atau isteri. Sebuah perkahwinan yang sah mestilah diiktiraf, bukanlah disembunyikan dengan kata lain, mesti direkod dan didaftarkan mengikut undang-undang.

9

Pada masa kini, masih terdapat pihak-pihak yang menyembunyikan status perkahwinan. Mereka menyembunyikan daripada pengetahuan wali, keluarga atau isteri kerana kepentingan tertentu. Terdapat banyak sebab mengapa perkara ini boleh berlaku, seperti berkahwin dengan bukan warganegara yang tidak mempunyai rekod diri yang jelas, berkahwin kerana keterlanjuran pasangan, poligami dan sebagainya.

10



Sesungguhnya agama Islam menuntut supaya perkahwinan itu hendaklah diumumkan kepada keluarga, jiran tetangga, sanak saudara dan sahabat handai dan ianya tidak disembunyikan supaya tidak menimbulkan sebarang fitnah.

11

Sepertimana dalam sebuah hadis daripada Aisyah Radhiallahuanha berkata bahawa Nabi SAW bersabda:

أَعْلَنُوا هَذَا النِّكَاحَ

12

*“Hebahkanlah akan pernikahan.”*

*(Riwayat at-Tirmidzi).*

Dalam Hadis yang lain daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَوْلَمْ وَلَوْ بِشَاءٍ

13

*“Buatlah kenduri kahwin (walimah) walaupun hanya dengan seekor kambing biri-biri.”*

*(Riwayat al-Bukhari).*



Berdasarkan rekod pihak berkuasa agama, terdapat banyak kes perkahwinan yang dilaksanakan secara sembunyi atau sindiket , sama ada di dalam atau di luar negara. Perkahwinan ini tidak diusahakan untuk didaftarkan oleh pasangan sehingga ke tahap anak-anak pasangan telah dewasa dan ingin berkahwin. Terdapat pihak-pihak mendaftarkan perkahwinan setelah keadaan mendesak, akibatnya, pihak Pendaftar perkahwinan di Jabatan Agama Islam didesak dan dimarahi sedangkan kecuaian daripada diri mereka sendiri.

14

Perkahwinan yang tidak didaftarkan ini boleh memberi banyak impak atau kesan yang buruk kepada diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat. Antaranya :

Pertama: Penganiayaan terhadap isteri. Isteri yang kematian suami menghadapi kesukaran menuntut harta pusaka kerana tiada bukti wujudnya pendaftaran perkahwinan, hanya arwah suami yang mengetahui segala urusan dan proses pernikahan sindiket mereka. Keadaan ini menambahkan kesukaran untuk isteri menguruskan pendaftaran secara persendirian demi menuntut hak dalam pusaka arwah suami.

15

Kedua: Wujud penipuan status diri bagi tujuan kahwin lain. Oleh kerana perkahwinan tidak didaftarkan, status seseorang itu tidak dapat dibuktikan sama ada dia bujang, duda atau telah berkahwin. Akibatnya terdapat kes suami yang berpoligami tanpa kebenaran dan ada juga kes isteri yang mempunyai dua suami.

16

Ketiga: Penganiayaan terhadap anak-anak. Ini kerana anak-anak yang dilahirkan hasil perkahwinan tidak berdaftar akan didaftarkan kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara sebagai anak yang tidak sah taraf.

17



Keempat: Kecelaruan nasab atau keturunan. Perkahwinan yang tidak didaftarkan boleh menyebabkan berlakunya perkahwinan mahram yang sama seperti pernikahan adik beradik, ibu atau bapa saudara dan sebagainya. Perkara ini akan memberi kesan terhadap perkahwinan tersebut kerana perlu di faraq atau dipisahkan.

18

Kelima: Kesukaran bagi anak perempuan untuk berkahwin kerana perkahwinan bapanya tidak didaftarkan secara rasmi. Ianya memberi tekanan dan kesukaran kepada anak untuk melengkapkan dokumen permohonan perkahwinan mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

19

Sanggupkah seorang bapa menganiaya anak-anak hanya kerana keengganan, keegoan dan kelalaian untuk memastikan perkahwinannya diiktiraf?

Sanggupkah seorang suami itu membiarkan nasab keturunannya tidak diiktiraf dari sudut undang-undang hanya kerana enggan mendaftarkan perkahwinan?

Sanggupkah seorang suami itu membiarkan balunya merintih atas kesan buruk yang mereka terima selepas kematiannya?

20

Adakah seorang suami yakin, nikah yang disembunyikan itu adalah nikah yang sah mengikut syarak? Terdapat kes di mana pihak mahkamah tidak mengesahkan perkahwinan, sedangkan si suami telah meninggal dunia. Persoalannya, apakah hukum hubungan mereka selama ini?



Perbuatan yang mengikat sebuah hubungan dengan akad nikah yang sah tetapi tidak diuruskan untuk didaftarkan mengikut perundangan merupakan satu kezaliman terhadap diri sendiri, isteri dan juga anak-anak. Ia juga menyukarkan pihak-pihak lain yang turut terlibat, seperti pihak Jabatan Agama Islam dari sudut reked pendaftaran perkahwinan, pihak Jabatan Pendaftaran Negara dari sudut Pendaftaran kelahiran anak serta pihak Jabatan Kehakiman dari sudut penentuan nasab anak dan tuntutan berbangkit dari perkahwinan.

21

Islam adalah agama yang adil dan melarang berlakunya kezaliman. Termasuklah kezaliman yang berlaku dalam alam perkahwinan. Sanggupkah seorang suami meninggalkan anak-anak dan isteri dalam keadaan mereka dizalimi?. Terdapat ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang mencela dan melarang perbuatan zalim.

22

Allah SWT berfirman dalam surat Hud ayat 18:

﴿١٨﴾ أَلَا لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ

*“Ingatlah, laknat Allah (ditimpakan) atas orang-orang yang zalim.”*



Jika kita menghayati pesanan dan peringatan Rasulullah SAW tentang pentingnya memperlakukan isteri dengan baik, sudah tentu kehidupan rumah tangga dihiasi dengan keindahan dan syurga dunia bagi setiap pasangan berkahwin.

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

*“Berbuat baiklah pada para wanita. Kerana wanita diciptakan daripada tulang rusuk. Sesungguhnya tulang rusuk yang paling bengkok ialah bahagian atasnya. Jika engkau mencuba untuk meluruskannya (dengan kasar), engkau akan mematahkaninya. Jika engkau membiarkannya, tetap saja tulang tersebut bengkok. Maka berbuat baiklah pada para wanita.”*

23

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

1. Umat Islam hendaklah yakin dan sedar bahawa suatu pernikahan antara suami dan isteri itu adalah sunah Rasulullah SAW dan syariat yang amat dituntut oleh agama.
2. Umat Islam perlu mengutamakan maslahat ummah dengan menghebahkan dan mendaftarkan suatu pernikahan itu kerana merupakan tuntutan Islam dan undang-undang negara.
3. Setiap muslim hendaklah tahu bahawa pernikahan adalah suatu amanah dan tanggungjawab yang besar daripada Allah SWT.
4. Setiap muslim hendaklah berusaha menghindari segala masalah atau fitnah kepada keluarga yang ditinggalkan apabila kematianya telah sampai kelak.

24



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ  
بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُّكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ  
كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

25

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

26

(Surah al-Nisa': 58).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

27

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

28



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ。
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَيِّرَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ  
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ عَنَائِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ  
وِقَائِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

7

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ  
شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحَاجِ.

8

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ  
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ،

9

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُضْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

10

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada  
ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas  
ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-  
Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan  
yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan  
malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan  
Masjid Al Aqsa di Palestin.

11



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

13

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٦﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا

14

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ

15

فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.